

# Mahathir yakin ramai tarik diri

U.M. 28 APR 1993

GENTING HIGHLANDS 27 April — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau percaya sebilangan daripada calon Naib Presiden UMNO mungkin akan menarik diri kemudian setelah menyedari mereka tidak mendapat sokongan yang cukup untuk bertanding.

Menurutnya, peningkatan jumlah calon yang menawarkan diri untuk bertanding bagi jawatan Naib Presiden setakat ini adalah perkara biasa dan berlaku pada awal kempen sahaja.

Beliau menambah, menjelang waktu pemilihan, sesetengah calon yang menawarkan diri sebelum ini barangkali akan menarik diri kerana tidak mendapat banyak sokongan.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab pertanyaan para pemberita selepas merasmikan Seminar Etika Perniagaan, Kepimpinan dan Tanggungjawab Korporat, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas perkembangan di mana semakin ramai tokoh UMNO menawarkan diri untuk bertanding merebut tiga jawatan Naib Presiden pada Perhimpunan Agung parti November depan.

Kepada satu soalan mengenai tindakan beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri yang menawarkan diri untuk bertanding jawatan yang sama, Perdana Menteri berkata, UMNO mengamalkan demokrasi di mana setiap ahli mempunyai hak untuk bertanding dan hak untuk menimbang sama ada pertan-

■ Lihat muka 2

U.M. 28 APR 1993

## Mahathir yakin ramai tarik diri

dingan yang akan disertai itu akan membawa kemenangan atau sebaliknya.

"Kita perlu menimbang kesan-kesan sampingan yang boleh timbul daripada pertandingan tersebut," katanya lagi.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir menegaskan, perpecahan dalam UMNO akan dapat dikurangkan sekiranya semua ahli bersatu padu dan menerima susunan kepimpinan yang sedia ada sekarang.

Beliau berkata, sejarah perpecahan UMNO pada tahun 1987 sehingga membawa kepada pengharuman parti itu berpunca daripada perebutan jawatan tertinggi dalam UMNO termasuk kerusi Presiden.

"Saya berpendapat kalau kita begitu bersatu padu dan terima susunan yang sedia ada, ia akan dapat mengurangkan kemungkinan berlaku perpecahan lagi," katanya.

Dr. Mahathir berkata, apabila timbul perebutan jawatan pelbagai cara akan digunakan untuk menang termasuk 'membeli undi.'

"UMNO berpecah dan diharamkan ke-

rana adanya perebutan untuk menjadi presiden dan apabila timbul keadaan itu macam-macam cara digunakan termasuk membeli undi," ujarnya.

Ditanya sama ada perlu bagi Dato' Sri Anwar Ibrahim bertanding jawatan Timbalan Presiden sekiranya beliau mendapat jumlah pencalonan yang banyak daripada bahagian-bahagian, Dr. Mahathir berkata, walaupun seseorang itu mendapat pencalonan yang banyak, terpulang kepada dirinya sendiri untuk menerima atau tidak pencalonan itu.

"Terpulang kepada dia untuk membuat keputusan. Pencalonan adalah pencalonan dan tidak semestinya seseorang itu perlu bertanding jika mendapat pencalonan terbanyak.

"Saya pun dulu pernah dapat pencalonan yang banyak pada pertandingan tahun 1987 tetapi undi dapat sedikit juga," tambahnya.

Sabtu lalu Anwar mengumumkan bahawa beliau tidak berhasrat mencabar Encik Ghafar Baba bagi merebut jawatan Timbalan Presiden